

# **GARIS PANDUAN**

## **NORMA BAHARU PELAJAR DARUL QURAN**

### **SEMASA TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

#### **TUJUAN**

Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tindakan dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pelajar Darul Quran dalam usaha menjalani norma baharu di kampus Darul Quran dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN).

#### **LATAR BELAKANG**

1. Penularan wabak Coronavirus 2019 (COVID-19) telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat. Dalam usaha membendung wabak ini, Kerajaan Malaysia (“Kerajaan”) telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020.
2. Setelah melalui beberapa fasa PKP, dan yang terkini fasa PPN bermula Jun 2021, Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah banyak mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan berkaitan urusan harian rakyat dengan mengambil kira langkah-langkah bagi mengawal penularan jangkitan penyakit COVID-19 dan menerapkan norma baharu kehidupan.
3. Dalam usaha untuk memelihara kebajikan pelajar Darul Quran, beberapa tindakan perlu dilaksanakan bagi mengawal penularan COVID-19 di kalangan warga Darul Quran untuk memastikan persekitaran kampus yang selamat dan kondusif.
4. Justeru, Garis Panduan ini dikeluarkan sebagai rujukan dan panduan kepada pelajar dalam menjalani norma baharu dalam kampus semasa tempoh PPN.

## TAFSIRAN

“**bergejala**” ertinya simptom awal COVID-19 iaitu sama ada mengalami demam (suhu badan 37.5°C dan ke atas), batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas.

“**kampus**” ertinya seluruh kawasan Darul Quran.

“**pegawai**” ertinya mana-mana pegawai dan kakitangan Darul Quran, termasuk warden.

“**pelajar**” ertinya mana-mana pelajar yang mendaftar masuk untuk belajar di Darul Quran bagi semua program pengajian.

“**pelajar menetap**” ertinya seseorang pelajar yang menetap di Kolej Kediaman Darul Quran.

“**pelawat**” ertinya mana-mana orang selain dari pegawai dan waris yang ingin berurusan dengan pelajar Darul Quran.

“**penjarakan fizikal**” ertinya jarak antara satu individu dengan individu lain sekurang-kurangnya satu (1) meter dalam sebarang aktiviti/urusan.

“**ujian pengesanan COVID-19**” ertinya salah satu daripada ujian untuk mengesan COVID-19 pada seseorang individu sama ada secara *Reverse Transcriptase - Polymerase Chain Reaction (RT-PCR)* atau *Rapid Test Kit (RTK) Antigen* yang dilakukan di mana-mana fasiliti kesihatan serta makmal swasta atau yang dilakukan secara sendiri.

“**vaksinasi lengkap**” ertinya Individu yang telah lengkap divaksin yang memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- i. Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua dos suntikan [seperti Cormirnaty (Pfizer-BioNTech), COVID19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca), CoronaVac (Sinovac), Spikevax (Moderna) dan Covilo (Sinopharm)], individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua; atau

- ii. Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu dos suntikan (seperti COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) dan Convidecia (CanSino)), individu berkenaan mestilah telah melepasi hari ke-28 dari tarikh suntikan.

“**waktu pejabat**” ertinya suatu tempoh bermula dari jam 8.30 pagi hingga jam 4.30 petang.

“**waris**” ertinya ahli keluarga terdekat iaitu ibu, bapa atau penjaga (sama ada datuk, nenek atau saudara kandung) bagi seseorang pelajar Darul Quran.

## **NORMA BAHARU PELAJAR**

1. Pelajar dinasihatkan untuk sentiasa menjaga kesejahteraan diri dengan mengamalkan tabiat kebersihan yang tinggi di samping mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh KKM, MKN dan pihak Darul Quran dari masa ke masa.
2. Pelajar dikehendaki membiasakan diri dengan norma baharu dalam kampus seperti berikut:
  - 2.1 Melaksanakan **penjarakan fizikal**.
  - 2.2 **Tidak bersentuhan** dengan orang lain seperti bersalaman.
  - 2.3 Elakkan berada di tempat orang ramai dan sesak.
  - 2.4 Sebarang bentuk aktiviti atau urusan perlu dikawal dengan **mengelakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang dengan jarak yang dekat)**.
  - 2.5 **Diwajibkan memakai pelitup muka (*face mask*)** terutama apabila berada di tempat orang ramai dan sesak kecuali bagi aktiviti dan tempat seperti berikut:
    - a) Bilik kolej kediaman/asrama bersendirian.
    - b) Aktiviti sukan dan rekreasi.
    - c) Kenderaan sendiri (bagi pelajar program Ijazah sahaja)

- d) Kawasan kampus *indoor* atau *outdoor* tanpa ada individu lain.
- e) Sewaktu makan dan minum di kampus tanpa ada individu lain (selain di kafeteria)

2.6 **Kerap mencuci tangan** dengan menggunakan sabun / air atau *hand sanitizer* (digalakkan memiliki *hand sanitizer* sendiri).

2.7 **Mengamalkan 3W (*Wash, Warn & Wear*)**

2.8 Mematuhi dan menggunakan laluan pergerakan yang disediakan.

3. Pelajar wajib menggunakan **Aplikasi MySejahtera** bagi tujuan mendapatkan maklumat kesihatan berkaitan COVID-19, dan **mendapatkan vaksinasi lengkap** bagi membantu Kerajaan dalam membendung penularan COVID-19.
4. Setiap pelajar **dikehendaki melakukan saringan gejala (pemeriksaan suhu badan) dan merekod kehadiran** dalam buku daftar atau borang yang disediakan ketika berurusan dengan mana-mana cawangan atau unit di dalam kampus. **Sekiranya bergejala, pelajar disaran untuk mendapatkan rawatan** di mana-mana hospital atau klinik berhampiran.
5. Pelajar hendaklah melaporkan dengan segera kepada pegawai sekiranya diri sendiri atau rakan mengalami tanda-tanda demam, batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas.
6. Segala **aktiviti riadah** atau sukan pelajar yang **melibatkan sentuhan fizikal** adalah **dibenarkan dan tertakluk kepada SOP PPN** yang dikeluarkan oleh Kerajaan.
7. Sebarang **aktiviti pelajar di Pusat Islam Darul Quran** adalah **tertakluk kepada arahan semasa yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) atau pihak Darul Quran**. Manakala aktiviti pelajar di kawasan atau bangunan lain dalam kampus adalah tertakluk kepada arahan dan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

8. **Segala urusan jual beli makanan dari luar kampus**, sama ada melalui dalam talian atau tempahan adalah **tidak dibenarkan** kecuali dengan kebenaran Cawangan Hal Ehwal Pelajar (HEP). Pelajar menetap **hanya dibenarkan** membeli makanan (digalakkan makanan berbungkus) dari kafeteria yang berdaftar dalam kampus sahaja.
9. Pelajar yang makan di Dewan Makan atau kafeteria perlu mematuhi aturan norma baharu seperti yang termaktub dalam Garis Panduan ini dan arahan-arahan lain yang berkuatkuasa.
10. Pelawat/waris **tidak dibenarkan** berjumpa dengan pelajar menetap sepanjang keberadaan pelajar dalam kampus. Sekiranya terdapat urusan kecemasan, pelawat/waris perlu mendapat kebenaran daripada pegawai Unit Kolej Kediaman (pada waktu pejabat) atau Ketua Warden (di luar waktu pejabat) sahaja.
11. Segala aduan, pertanyaan atau urusan yang melibatkan kebajikan, kecemasan dan kesihatan hendaklah dirujuk segera kepada:
  - 11.1 pegawai Unit Kolej Kediaman, Cawangan Hal Ehwal Pelajar, Darul Quran (pada waktu pejabat); atau
  - 11.2 ketua warden / warden bertugas (di luar waktu pejabat).

## **KELUAR MASUK PELAJAR**

1. Pelajar menetap **tidak dibenarkan *outing* atau pulang bermalam** (seperti keluar ke pekan dan seumpamanya) sepanjang berada dalam kampus semasa tempoh PPN **dan wajib untuk berada di dalam kampus sahaja, kecuali diarahkan oleh pihak Darul Quran untuk keluar dari kampus.**
2. Sekiranya pelajar menetap mempunyai **urusan penting yang melibatkan keluar masuk kampus, pelajar boleh memohon kebenaran dari pihak Cawangan Hal Ehwal Pelajar.** Permohonan

kebenaran tersebut adalah tertakluk kepada syarat dan aturan seperti berikut:

- 2.1 Urusan pengambilan pelajar menetap untuk keluar masuk kampus hanya dibenarkan kepada waris dan terhad di kawasan Pos Pengawal Utama Darul Quran sahaja, kecuali dibenarkan oleh pihak pengawal keselamatan atas sebab-sebab kecemasan.
- 2.2 Permohonan keluar masuk pelajar menetap **WAJIB** menggunakan **Borang Kebenaran Khas Keluar/Masuk Pelajar** (diperoleh dari Cawangan Hal Ehwal Pelajar Darul Quran) dan tertakluk kepada kelulusan pegawai Unit Pembangunan Sahsiah & Disiplin (dalam waktu pejabat) dan warden (luar waktu pejabat).
- 2.3 Setelah mendapat kelulusan, pelajar menetap dikehendaki **melapor diri di pos pengawal Darul Quran** ketika urusan keluar dari kampus **dengan mengemukakan kad matrik dan menyerahkan Borang Kebenaran Khas Keluar/Masuk Pelajar** kepada pengawal keselamatan.
- 2.4 Ketika urusan masuk ke kampus, pelajar menetap dikehendaki melapor diri di pos pengawal Darul Quran dengan **melakukan ujian pengesanan COVID-19** disaksikan oleh pengawal keselamatan menggunakan kit ujian sendiri COVID-19 (RTK Antigen).
- 2.5 **Hanya pelajar yang disahkan negatif sahaja yang dibenarkan masuk semula ke kampus.** Sekiranya pelajar dikesan positif melalui ujian ini, maka pelajar tersebut dikehendaki merujuk kepada premis kesihatan berhampiran untuk pengesanan selanjutnya.
- 2.6 Pelajar menetap yang dibenarkan masuk semula ke kampus perlu mengemukakan kad matrik dan mengambil semula Borang Kebenaran Khas Keluar/Masuk Pelajar daripada pengawal keselamatan serta melakukan pemeriksaan suhu badan.

- 2.7 Pelajar menetap hendaklah memastikan segala urusan keluar masuk yang dibuat oleh pengawal keselamatan selesai sebelum beredar dari pos pengawal.
3. Segala pertanyaan atau urusan yang melibatkan keluar masuk pelajar hendaklah dirujuk kepada:
  - 3.1 pegawai Unit Pembangunan Sahsiah & Disiplin, Cawangan Hal Ehwal Pelajar, Darul Quran (pada waktu pejabat); atau
  - 3.2 warden bertugas (di luar waktu pejabat).

### **KENDERAAN PELAJAR**

1. Pelajar **tidak dibenarkan** sama sekali **membawa kenderaan, bermotor atau tidak bermotor** (seperti kereta, motosikal, basikal atau seumpamanya), sama ada milik persendirian atau yang disewa, **ke dalam kampus**, kecuali kenderaan pelajar yang telah diberi kebenaran dan mempunyai pelekat kenderaan yang sah.
2. Pelajar menetap **dilarang** sama sekali **mendapatkan khidmat sewa pemandu kenderaan luar** (seperti teksi, *Grab*, *e-Hailing* atau seumpamanya) bagi apa-apa tujuan sepanjang tempoh berada dalam kampus.
3. Segala pertanyaan atau urusan yang melibatkan kenderaan pelajar hendaklah dirujuk kepada pegawai Unit Pembangunan Sahsiah & Disiplin, Cawangan Hal Ehwal Pelajar, Darul Quran (pada waktu pejabat sahaja).

### **KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR**

1. Urusan bilik kediaman pelajar adalah tertakluk kepada arahan yang dikeluarkan oleh Unit Kolej Kediaman, Cawangan Hal Ehwal Pelajar dan peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa.

2. Sebarang perhimpunan/perjumpaan dalam kalangan pelajar di bilik kediaman **tidak dibenarkan**. Pegawai bertugas akan memantau keberadaan pelajar di kolej kediaman dari masa ke masa.
3. Pelajar menetap dikehendaki untuk sentiasa menjaga kebersihan bilik dan keselamatan harta benda dengan:
  - 3.1 Memastikan kebersihan bilik masing-masing, termasuk **melakukan sanitasi sendiri** terhadap barang dan peralatan yang sentiasa disentuh seperti tombol pintu dan lain-lain.
  - 3.2 Memastikan segala kelengkapan bilik berada di tempat yang sepatutnya.
  - 3.3 Mematikan semua suis elektrik ketika tiada penghuni dalam bilik.
  - 3.4 Memastikan tingkap dan pintu bilik dikunci.
  - 3.5 Membuang sampah sarap yang ada.
4. Sebarang pertanyaan atau urusan yang melibatkan kolej kediaman pelajar hendaklah dirujuk segera kepada:
  - 4.1 pegawai Unit Kolej Kediaman, Cawangan Hal Ehwal Pelajar, Darul Quran (pada waktu pejabat); atau
  - 4.2 warden bertugas (di luar waktu pejabat)

## **PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Garis Panduan ini, bolehlah dirujuk kepada mana – mana pegawai Cawangan Hal Ehwal Pelajar Darul Quran JAKIM.



## **TARIKH KUATKUASA**

Garis Panduan ini hendaklah berkuatkuasa mulai tarikh 3 Disember 2021 setelah diperakui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Darul Quran. Ia terpakai khusus dalam tempoh PPN untuk menangani penularan wabak COVID-19 yang berlaku pada masa ini sehingga dimaklumkan negara bebas COVID-19 oleh Kerajaan.

## **PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya garis panduan ini, Garis Panduan Norma Baharu Pelajar Darul Quran Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bertarikh 1 Julai 2020 adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN**

**Garis Panduan ini terpakai kepada semua pelajar, waris dan pelawat yang berurusan dengan pelajar Darul Quran.** Ia hendaklah dibaca bersama dengan Peraturan-Peraturan Tatatertib Pelajar Darul Quran 2015 dan arahan-arahan lain yang berkuat kuasa.

## **DARUL QURAN JAKIM**

3 Disember 2021